

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 2 APRIL 2016    |

## Hasrat Mahathir jatuhkan Najib gagal

**IPOH 1 April** - Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu obsesi menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak kerana beliau telah menang dalam semua 'pertarungannya' sebelum ini, namun, cukup marah apabila gagal untuk bertindak sedemikian terhadap Perdana Menteri kali ini.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, cubaan Dr. Mahathir untuk menjatuhkan Najib dengan cara tidak demokratik termasuk meraih sokongan media antarabangsa, tidak akan berjaya disebabkan dendam dan niat jahat terhadap Perdana Menteri itu telah diketahui orang ramai.

"Lelaki ini telah menang dalam semua 'pertarungannya'. Beliau telah menentang Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn. Beliau juga telah menjatuhkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau berjaya menjatuhkan semua orang, namun, gagal menjatuhkan Najib, jadi, beliau cukup marah.



**MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

"Kita tahu apa yang ingin beliau lakukan. Beliau mahu memastikan ekonomi negara kita akan terjejas.

Dengan memberikan segala publisiti buruk, pelabur akan berhenti melabur di Malaysia dan orang tidak lagi akan datang ke negara ini dan akhirnya Perdana Menteri akan disalahkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pejabat Destination Perak Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang berperanan menguruskan pemasaran pelancongan negeri di Perak Techno Trade Centre (PTTC), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Mirza Mohammad Taiyab.

Mohamed Nazri diminta mengulas mengenai penggunaan media asing melalui program Four Corners oleh The Australian Broadcasting Corporation (ABC) yang dilihat sebagai satu lagi percubaan Dr. Mahathir untuk merealisasikan kempen anti-Najib.